

## **Program Pendidikan Luar dan Implikasinya terhadap Konsep Kendiri Guru Pelatih**

oleh

**Amy Anak Dusin**  
Institut Perguruan Batu Lintang

### **ABSTRAK**

*Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti implikasi serta kesan program pendidikan luar terhadap konsep kendiri guru pelatih di Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching, Sarawak. Seramai 39 guru pelatih KPLI Matematik Rendah dan KPLI Sains Rendah terlibat dalam kajian ini. Reka bentuk kajian ialah kuasi eksperimental dan borang soal selidik kajian ialah Tennessee Self-Concept Scale oleh Fitts (1965). Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Berdasarkan Ujian-t Untuk Pengukuran Berulang didapati konsep kendiri Fizikal mempunyai perubahan yang signifikan dengan (nilai  $p = 0.001$ ). Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada konsep kendiri Moral (nilai  $p = 0.112$ ), Personal (nilai  $p = 0.318$ ), Keluarga (nilai  $p = 0.590$ ) dan Sosial (nilai  $p = 0.740$ ). Hasil Ujian Inter-korelasi pula menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan di antara kelima-lima konsep kendiri tersebut pada tahap yang sederhana kuat (nilai  $r = 0.41$  hingga  $0.70$ ) dan hubungan yang lemah (nilai  $r = 0.21$  hingga  $0.40$ ). Dapatan kajian ini diharap dapat digunakan oleh pensyarah, jurulatih atau pengarah kem untuk mengelolakan program pendidikan luar dengan lebih berkesan demi menghasilkan kesan yang positif terhadap konsep kendiri guru pelatih.*

### **PENDAHULUAN**

Perlaksanaan program pendidikan luar di Institut Pendidikan Guru, Malaysia menekankan kepada pembentukan insan atau bakal guru yang berilmu, berkemahiran dan pembinaan sikap. Faktor-faktor inilah yang dijadikan asas oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Merujuk Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) di Institut Pendidikan Guru (IPG) dulunya Maktab Perguruan Malaysia telah menekankan kepentingan kurikulum Pendidikan Luar dalam sukatan pelajaran supaya dijalankan atau dilaksanakan di setiap Institut Pendidikan Guru sama ada sebagai mata pelajaran wajib, elektif mahupun asas (Bahagian Pendidikan Guru 2003). Kurikulum Pendidikan Jasmani bagi Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI Sekolah Rendah) sebagai contoh digubal bagi menyediakan bakal guru pendidikan jasmani yang berwibawa dan berketrampilan khususnya di peringkat sekolah rendah. Fokus kurikulum adalah menjurus ke arah pendekatan yang berasaskan kepada pembelajaran kendiri dan pengalaman berasaskan sekolah. Bagi mata pelajaran atau komponen pendidikan luar, 15 jam diperuntukan dengan satu kredit, membawa 25% penilaian dan guru pelatih perlu melakukan amali selama 4 hari 3 malam.

Dapatan kajian-kajian terdahulu (Tan Bee Chu, 2001; Vaughn, Wang, & Dytman, 1987; Yap Poh Moi, 2002) menyatakan bahawa prestasi pembelajaran pelajar-pelajar sekolah berkait secara langsung dengan kredibiliti profesionalisme keguruan, kemahiran kaedah mengajar, kemahiran teknik berinteraksi, penerapan nilai murni dan kemahiran memilih sumber

pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Oleh sebab itu, peranan dan fungsi guru-guru begitu mencabar dan tidak semudah seperti yang disangka oleh semua pihak. Maka bakal-bakal guru yang dilahirkan di harap mampu menjalankan tugas secara profesional dan berkemampuan memartabatkan profesional keguruan. Program pendidikan luar merupakan satu mata pelajaran yang boleh menyumbang ke arah pembentukan profesional keguruan yang diinginkan seperti yang dinyatakan di atas. Oleh itu, satu pemahaman yang jelas tentang prinsip-prinsip asas pendidikan luar memerlukan terlebih dahulu memahami kepentingan, objektif dan matlamat Pendidikan Luar.

Faktor yang mendorong pengkaji membuat kajian tentang topik ini ialah kekurangan kajian berkaitan perubahan-perubahan dari aspek konsep-kendiri guru pelatih selepas mereka mengikuti segala program aktiviti luar yang dikelolakan di setiap Institut Pendidikan Guru; Veenman (1984) menyatakan pada masa peralihan, iaitu dari Institut Latihan Perguruan ke sekolah, guru baru atau guru novis ini akan menghadapi keadaan 'dramatik' dan 'traumatik' yang disifatkannya sebagai 'kejutan sebenar' atau 'kejutan budaya'. Ini merupakan kejutan yang begitu mencabar kerana guru novis mendapati apa yang dipelajari semasa menjalani latihan di institut perguruan atau di universiti tidak mempunyai persamaan dengan keadaan di bilik darjah atau sekolah tempat mereka mengajar; dan Yusof Ismail (1988) menyatakan bahawa sistem pendidikan sekarang lebih menumpukan kepada pencapaian akademik dan meminggirkan kegiatan-kegiatan kokurikulum dan mata pelajaran yang bukan peperiksaan. Akibat daripada itu menyebabkan suasana pembelajaran tertekan, iklim sekolah atau universiti agak terasing daripada masyarakat lantas menimbulkan polarisasi kelompok serta perkembangan menyeluruh watak dan sahsiah pelajar yang kurang memuaskan.

Kajian ini cuba meneliti aspek-aspek perkembangan atau tahap perubahan konsep sendiri guru pelatih. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan dan implikasi program pendidikan luar terhadap konsep sendiri guru pelatih Institut Perguruan Batu Lintang yang mengikuti program pendidikan luar. Beberapa objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti *tahap perubahan* konsep-kendiri di kalangan guru pelatih sebelum (ujian pra) dan selepas (ujian pasca) mengikuti program Pendidikan Luar.
2. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat *perbezaan* konsep sendiri *antara Opsyen KPLI Sains dengan KPLI Matematik* berdasarkan Ujian-pasca.
3. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat *perbezaan* dalam *konsep sendiri Fizikal* di kalangan guru pelatih sebelum dan selepas mengikuti program pendidikan luar.
4. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat *perbezaan* dalam *konsep sendiri Moral* di kalangan guru pelatih sebelum dan selepas mengikuti pendidikan luar.
5. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat *perbezaan* dalam *konsep sendiri Personal* di kalangan guru pelatih sebelum dan selepas mengikuti program pendidikan luar.
6. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat *perbezaan* dalam *konsep sendiri Keluarga* di kalangan guru pelatih sebelum dan selepas mengikuti program pendidikan luar.
7. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat *perbezaan* dalam *konsep sendiri Sosial* di kalangan guru pelatih sebelum dan selepas mengikuti program pendidikan luar.

8. Untuk mengenal pasti *tahap hubungan* (korelasi) antara kelima-lima jenis konsep sendiri (Konsep sendiri Fizikal, Moral, Personal, Keluarga dan Sosial) di kalangan guru pelatih berdasarkan Ujian pasca.

*National Education Association* (1970), menyatakan bahawa pendidikan luar bukanlah satu mata pelajaran sahaja tetapi merupakan perpaduan di antara semua disiplin ilmu, persefahaman dan kemahiran di sekolah. Guru menggunakan persekitaran semula jadi atau buatan manusia, taman rekreasi atau perancangan bandar, tempat yang bersejarah atau tempat yang indah-membantu mengajar seni, matematik, sains, kajian sosial atau komunikasi dengan membantu pelajar supaya memahami hubungan antara mata pelajaran tersebut, alam sekitar, dan manusia. Pendidikan Luar merupakan kaedah pembelajaran secara langsung dan mudah, dan yang merentas kurikulum ke *out-of-door* demi melakukan proses pembelajaran. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran yang digunakan dalam pendidikan luar berasaskan kepada kaedah penemuan dalam pembelajaran dan segala pertimbangan dengan menggunakan deria-deria seperti audio, visual, rasa, sentuh dan bau-bagi pemerhatian dan persepsi (Lewis 1975).

Dengan menilai beberapa aktiviti dalam program Pendidikan luar nyata sekali program ini dapat memberikan kesan terhadap tahap peningkatan konsep sendiri, di mana elemen-elemen yang berfaedah tentang program pendidikan luar dapat dikenal pasti dan perlu diambil kira apabila merancang sesuatu program. Penilaian terhadap beberapa aktiviti dalam program pendidikan luar dapat mengenal pasti kesan terhadap aspek-aspek yang berbeza bagi memahami aspek-aspek yang lebih dominan dalam konsep sendiri peserta. Pusat Perkembangan Kurikulum (1998) menyatakan Falsafah Pendidikan Luar sebagai;

*Alam semula jadi yang merupakan sebuah makmal hidup yang kaya dengan sumber ilmu. Ia boleh digabungkan dengan amalan yang boleh memperkayakan pengalaman dan memupuk nilai-nilai murni bagi melahirkan individu yang sihat dari segi mental, rohani dan jasmani dalam usaha mewujudkan integrasi di kalangan masyarakat ke arah perpaduan nasional*

Berdasarkan falsafah tersebut boleh dikatakan bahawa pelbagai pengetahuan dan pengalaman yang baru diperolehi dengan mengikuti pendidikan luar kerana melalui alam sekitar individu dapat mempelajari pelbagai ilmu yang digabungkan melalui interaksi fizikal, mental, sosial, emosi dan rohani .

Seperti kebanyakan persoalan dalam bidang psikososial, teori pendidikan luar adalah *eclectic*, memerlukan penerangan yang menarik termasuklah dari aspek psikologikal, ekologikal, fisiologikal, sosial, politikal, dan *post-modern*. Beberapa teori telah dikemukakan mengenai pembentukan dan perkembangan program-program luar seperti *outdoor education*, *outdoor adventure recreation*, *outdoor recreation* dan sebagainya. Setiap teori yang dinyatakan di sini adalah sangat sesuai dan berkaitan dengan bidang tajuk kajian, serta dapat membantu pengkaji memberikan fokus yang menjurus kepada persoalan kajian yang telah dinyatakan terdahulu. Model Gelombang Pengembaraan (*The Adventure Wave Model*) Schoel, Prouty dan Radcliffe (1988), menyatakan bahawa ianya adalah satu cara untuk menggambarkan tiga peringkat pendekatan tentang *Adventure-Based Counselling* (ABC), yang digunakan secara meluas dalam program pendidikan luar dan pendidikan eksperimentasi.

Bagi kajian ini, konsep sendiri adalah definisikan sebagai persepsi individu terhadap diri sendiri (Iida, 1975). Fitts (1971) pula mendefinisikan konsep sendiri sebagai persepsi seseorang individu terhadap diri sendiri. Konsep sendiri merangkumi dua unsur penting iaitu persepsi

terhadap dirinya dan penilaiannya terhadap dirinya. Menurut Fitts lagi, walaupun persepsi seseorang itu penting, penilaiannya terhadap dirinya dianggap lebih penting. Atas dasar ini konsep sendiri juga disebut sebagai penilaian sendiri.

William James, seorang ahli falsafah yang ulung, menganggap bahawa sendiri terdiri daripada *I and Me*. Kedua-duanya wujud secara serentak, boleh dibezakan tetapi tidak boleh dipisahkan (Burns, 1979). Mengikut beliau lagi, *I* adalah aspek sendiri yang mengetahui atau *Self-knower*. Ia merupakan aspek sendiri yang sentiasa menyusun dan mentafsir pengalaman seseorang secara subjektif. *Me* pula adalah aspek sendiri yang diketahui atau *self as know* yang merupakan kandungan pengalaman tersebut. Mengikut teori pembelajaran sosial ini, konsep sendiri individu didasarkan kepada persepsi individu terhadap apa yang difikirkan oleh orang lain mengenai dirinya. Cooley memanggil konsep tersebut sebagai *looking glass self* atau cermin diri (Burns, 1979) .

Menurut Freud, sahsiah mempunyai tiga komponen iaitu id, ego, dan superego (Burns 1979). Id merupakan dorongan naluri yang bertindak untuk mencapai kepuasan tanpa menghiraukan nilai moral, manakala superego merupakan kata hati kecil yang mendorong seseorang ke arah bermoral dan mencapai peringkat kesempurnaan. Di antara dua komponen yang ekstrim ini ialah ego. Maslow (1968) pula mengatakan bahawa dalam diri setiap individu terdapat satu kuasa penggerak yang dikenali sebagai keperluan. Keperluan tersebut wujud mengikut satu hirarki daripada keperluan asas kepada keperluan yang tertinggi yang dikenali sebagai keperluan kesempurnaan sendiri, seseorang itu mesti dapat memenuhi keperluan-keperluan asas seperti kasih sayang, keselamatan dan lain-lain

Hazelworth dan Wilson (2000) telah membuat kajian tentang pengalaman berkemah semasa aktiviti kembara dan kesannya terhadap konsep sendiri. Seramai 39 orang peserta lelaki dan perempuan yang berumur 12 dan 15 tahun mengikut kajian ini. Instrumen *Tennessee Self-concept Scale* telah ditadbir melalui ujian pra dan ujian pasca. Perkhemahan tersebut mengambil masa selama 6 hari untuk setiap sesi. Dapatan kajian tidak konsisten di antara semua 4 sesi tersebut. Clifford dan Clifford (1967), dalam kajian mereka telah mengukur perubahan perasaan terhadap harga-diri dan kompetensi budak-budak lelaki yang terlibat dalam *Outward Bound School Summer Camp*. Hasil kajian mendapati bahawa keputusan terhadap pengalaman *Outward Bound*, menyebabkan berlakunya perubahan yang positif terhadap konsep-kendiri, dan perbezaan antara konsep-kendiri dengan *ideal-self* adalah dapat dikurangkan.

Dalam kajian ini, seramai 39 orang guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) yang sedang mengikuti latihan perguruan sepenuh masa di Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching, Sarawak telah dipilih menjadi sampel kajian. Seramai 20 orang guru pelatih daripada opsyen KPLI Matematik sekolah Rendah dan seramai 19 orang guru pelatih lagi daripada opsyen KPLI Sains sekolah rendah dengan min umur 25.54.

Jadual 1. Pecahan Bilangan Sampel Berdasarkan Opsyen Dan Jantina

<b>Opsyen</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	<b>Jumlah</b>
KPLI Matematik (R )	7	13	20 Orang
KPLI Sains ( R )	9	10	19 Orang
<b>Jumlah</b>	<b>16</b>	<b>23</b>	<b>39 Orang</b>

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian Kuantitatif iaitu Kuasi Eksperimen (*Quasi Experimental*) iaitu jenis rekabentuk UjianPra dan Ujian Pasca (*Pre- and Posttest Design*)

Creswell (2005) atau jenis yang dipanggil *the Single-Group pretest / posttest Design* Jackson (2006). Kajian ini adalah satu kajian yang menggunakan instrumen kajian *Tennessee Self-Concept Scale (TSCS)* oleh Fitts (1965). Daripada 9 bidang asal, pengkaji hanya mengkaji 5 bidang (konstruk) sahaja yang dikenalpasti menyumbang kepada kesan perubahan konsep sendiri guru pelatih yang mengikuti program Pendidikan Luar. Lima konstruk tersebut mengandungi 82 item TSCS dan berpandukan kepada *The Tennessee Self-concept Scale: 2nd Ed. (TSCS)* Fitts dan Warrent (1996). Lima konsep sendiri yang diukur adalah dari aspek konsep sendiri Fizikal, konsep sendiri Moral-etika, konsep sendiri Personal (peribadi), konsep sendiri Keluarga dan konsep sendiri Sosial.

Pengkaji menggunakan pakej komputer SPSS versi 12.00 (*Statistical Package For Social Sciences*) untuk menganalisis hipotesis kajian yang dibina dengan menggunakan statistik inferensi dan statistik deskriptif bagi mengukur tahap perubahan aspek konsep sendiri peserta kajian serta profil responden kajian.

Berdasarkan analisis statistik deskriptif kajian ini mendapati bahawa tahap perubahan konsep sendiri guru pelatih secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana dengan purata nilai skor min 3.648. Berdasarkan 3 tahap interpretasi skor min yang dibina oleh pengkaji didapati tahap perubahan konsep sendiri fizikal dan konsep sendiri keluarga adalah pada tahap tinggi (masing-masing mempunyai skor min 3.78 dan 3.94) berbanding dengan tahap perubahan konsep sendiri Moral (skor min 3.39), konsep sendiri Personal (skor min 3.49) dan konsep sendiri Sosial (skor min 3.64) hanya pada tahap sederhana.

Jadual 2. Interpretasi Skor Min Keseluruhan Konsep sendiri

Lima Konstruk	S.P	Skor Min	Tahap
1. Konsep Kendiri Fizikal	.29	3.78	Tinggi
2. Konsep Kendiri Moral	.28	3.39	Sederhana
3. Konsep Kendiri Personal	.28	3.49	Sederhana
4. Konsep Kendiri Keluarga	.32	3.94	Tinggi
5. Konsep Kendiri Sosial	.24	3.64	Sederhana
Skor Min Keseluruhan : 3.648 (TAHAP SEDERHANA)			

Ini membuktikan bahawa program pendidikan luar mempengaruhi tahap perubahan lima bidang konsep sendiri guru-guru pelatih. Berdasarkan keputusan tersebut maka dapat menjawab persoalan kajian iaitu bahawa terdapat perubahan yang signifikan terhadap tahap perubahan konsep sendiri di kalangan guru pelatih selepas mengikuti program pendidikan luar secara keseluruhannya. Berdasarkan perbandingan tahap skor min bagi ujian pra dengan ujian pasca bagi setiap konsep sendiri adalah didapati tidak konsisten atau mempunyai keputusan yang pelbagai. Hanya konsep sendiri Fizikal sahaja yang menunjukkan tahap tinggi bagi Ujian pra dengan skor min 3.71 dan juga Ujian Pasca dengan skor min 3.86.

Kajian ini mendapati bahawa tahap perubahan konsep sendiri Keluarga tidak konsisten walaupun menunjukkan tahap tinggi bagi kedua-dua Ujian Pra dan Ujian Pasca dengan skor min 3.92 bagi ujian pra dan 3.15 bagi Ujian pasca dengan perbezaan skor min 0.77. Dari segi perbandingan, tidak terdapat perubahan tahap yang signifikan bagi ujian pra dan ujian pasca, ini menunjukkan bahawa program pendidikan luar hanya mempengaruhi perubahan tahap konsep sendiri Moral, konsep sendiri Personal dan konsep sendiri Sosial guru pelatih. Keputusan analisis statistik Ujian-t menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan ( $t = -.626$ ,  $df = 37$ ,  $p > .05$ ) dan keputusannya bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam konsep sendiri antara Opsyen KPLI Sains dengan KPLI Matematik berdasarkan keputusan Ujian-pasca

(posttest). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang jelas antara kedua-dua kumpulan iaitu perbandingan dari segi perubahan tahap konsep sendiri selepas menjalankan program pendidikan luar. Bermaksud peserta mengalami peningkatan perubahan tahap konsep sendiri yang hampir sama setelah melakukan program pendidikan luar. Keputusan analisis ujian inter-korelasi menunjukkan bahawa guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah dari opsyen Sains (rendah) dan Opsyen Matematik (Rendah) yang mengikuti program pendidikan luar mempunyai hubungan positif yang signifikan dari aspek perubahan tahap konsep sendiri selepas menjalankan aktiviti. Kajian ini menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara konsep sendiri keluarga dan Sosial dengan konsep sendiri Fizikal, Moral dan Personal. Kajian ini mendapati tahap hubungan konsep sendiri Fizikal, Moral dan Personal yang pelbagai iaitu terdapat hubungan yang signifikan sederhana kuat

Rumusan berdasarkan analisis dekriptif tentang (a) tahap perubahan dan ujian inferensi, (b) perbandingan tahap dan (c) hubungan tahap konsep sendiri guru pelatih menunjukkan bahawa program pendidikan luar memainkan peranan penting dalam membentuk dan mengubah konsep sendiri guru pelatih. Ini kerana ramai di kalangan guru pelatih mempelajari kemahiran yang baru di samping bekerjasama dalam menjalankan tugas dan menyelesaikan masalah yang mereka hadapai secara bersama-sama. Guru pelatih mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran secara langsung dengan alam semulajadi melalui pendidikan luar. Keputusan kajian ini selari dengan dapatan kajian Hazelworth dan Wilson (2000), yang mengatakan bahawa analisis keseluruhannya terhadap konsep sendiri untuk empat siri perkhemahan pengembaraan yang dilakukan oleh pelajarnya menunjukkan perubahan positif yang signifikan dalam kesemua konsep sendiri. Perubahan yang positif ini mereka kenalpasti hasil daripada cabaran yang dihadapi peserta melalui program perkhemahan. Lambert, Segar, Staley, Spencer dan Nelson (1978) dalam kajian mereka mendapati banyak perubahan yang positif dalam konsep-kendiri di kalangan pelajar yang terlibat dengan kursus *Wilderness challenge* dibandingkan dengan pelajar yang hanya mengikuti pembelajaran dalam kelas sahaja. Beberapa kajian juga telah membuktikan bahawa OKU, melalui program aktiviti luar seperti ini boleh meningkatkan konsep sendiri mereka, esteem-kendiri, dan perkembangan personal; meningkatkan kemahiran rekreasi luar mereka dan penyesuaian sosial; serta mempamerkan perubahan tingkah laku yang positif (Anderson et al., 1997; McAvoy, 2001; McAvoy et al., 1989; Robb & Ewert, 1987; Stringer & McAvoy, 1992).

Berdasarkan Tahap perubahan Interpretasi Skor Min (Statistik Deskriptif), skor min keseluruhan bagi konsep sendiri fizikal berdasarkan item kajian adalah 3.78 menunjukkan tahap tinggi. Ini membuktikan program pendidikan luar berkesan mempengaruhi perubahan konsep sendiri fizikal guru pelatih. Berdasarkan Perbandingan tahap peningkatan melalui Ujian-t menunjukkan perbezaan yang signifikan ( $t = -3.77$ ,  $df = 38$ ,  $p < .05$ ) membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam konsep sendiri fizikal di kalangan guru pelatih sebelum dan selepas mengikuti program pendidikan luar ini membuktikan bahawa program pendidikan luar sangat berkesan dalam meningkatkan konsep sendiri fizikal guru pelatih.

Jadual 3. Korelasi Anara Konsep Kendiri Fizikal, Moral, Personal, Keluarga dan Sosial

Konsep Kendiri	Fizikal	Moral	Personal	Keluarga	Sosial
		$r = 0.32$	$R = 0.57$	$r = 0.23$	$R = 0.68$

<b>Fizikal</b>		p= .048 (p= >0.05)	p= .000 (p= <0.05)	p= .157 (p= >0.05)	p= .000 (p= <0.05)
<b>Moral</b>	r= 0.32 p= .048 (p= >0.05)		r= 0.65 p= .000 (p= <0.05)	r= 0.19 p= .25 (p= >0.05)	r= 0.48 p= .000 (p= <0.05)
<b>Personal</b>	r= 0.57 p= .000 (p= <0.05)	r= 0.65 p= .000 (p= <.0.05)	-	r= 0.44 p= .01 (p= <0.05)	r= 0.69 p= .000 (p= <0.05)
<b>Keluarga</b>	r= 0.23 p= .157 (p= >0.05)	r= 0.19 p= .25 (p= >0.05)	r= 0.44 p= .01 (p= <0.05)		r= 0.46 p= .000 (p= <0.05)
<b>Sosial</b>	r= 0.68 p= .000 (p= <0.05)	r= 0.48 p= .000 (p= <0.05)	r= 0.69 p= .000 (p= <0.05)	r= 0.46 p= .000 (p= <0.05)	

Hasil analisis inter-korelasi menunjukkan korelasi positif yang sederhana kuat antara konsep sendiri Fizikal dengan konsep sendiri Personal  $r = .57$ ,  $p = .000$  ( $p < .05$ ) dan konsep sendiri Sosial  $r = 0.68$ ,  $p = 0.000$  ( $p < 0.05$ ) dan kedua-dua korelasi tersebut signifikan pada  $p < 0.05$ . Namun konsep sendiri Fizikal mempunyai korelasi positif yang lemah dengan konsep sendiri Moral dan Keluarga.

Berdasarkan dapatan kajian di atas mendapati bahawa perubahan yang sangat positif terhadap konsep sendiri fizikal. Ini adalah kerana banyak aktiviti yang dilaksanakan dalam program pendidikan luar berfokuskan kepada aktiviti fizikal yang menguji kekuatan dan daya tahan fizikal guru pelatih. Contoh aktiviti yang melibatkan daya tahan dan kekuatan fizikal seperti aktiviti kembara (selama 7-9 jam menyusuri pantai) dari Kem Belia Pueh, Sematan ke Kampung Telok Melano (penghujung negeri Sarawak). Aktiviti seperti *abseiling*, berakit dan *wall climbing* juga menekankan kepada kekuatan dan daya tahan fizikal peserta. Dapatan ini menyokong kajian Hetzel dan Smith (2001) berkaitan dengan keupayaan Orang Berusia boleh hidup lebih lama, dan mereka mempunyai daya tahan dan kesihatan yang baik disamping menanamkan prinsip *never too late to dare* kepada golongan dewasa atau tua untuk terus mengikuti program aktiviti luar yang mencabar. Ciri-ciri sesuatu program aktiviti luar seperti yang dinyatakan oleh Horwood (1999) yang beliau namakan sebagai aksi bertenaga (*energetic action*) memerlukan seseorang peserta meningkatkan daya tahan dan kekuatan fizikal dan bertenaga. Aktiviti-aktiviti dalam program pendidikan jasmani sepertinya Pendidikan Luar juga boleh menaikkan dan menguatkan lagi kecergasan fizikal dan *wellness* seseorang guru pelatih Misner (1984).

Berdasarkan Tahap perubahan Interpretasi Skor Min (analisis deskriptif) menunjukkan skor min Ujian pra dan Ujian pasca bagi konsep sendiri Moral-etika berdasarkan item kajian dan mempunyai skor min keseluruhan 3.39 menunjukkan tahap sederhana, namun ada di kalangan guru pelatih mendapati bahawa dengan menjalankan program pendidikan luar tidak semestinya dapat memberi kesan yang ketara terhadap konsep sendiri moral-etika mereka. Keputusan Ujian-t menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan ( $t = -1.63$ ,  $df = 38$ ,  $p > 0.05$ ), keputusannya

bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam konsep sendiri Moral-etika sebelum dan selepas menjalankan program pendidikan luar. Nilai min bagi ujian pra ialah 3.36 dan skor min bagi ujian pasca ialah 3.42, ini menunjukkan bahawa program pendidikan luar kurang memberi kesan dan peningkatan terhadap konsep sendiri moral. Analisis inter-korelasi menunjukkan korelasi positif yang sederhana kuat antara Konsep Kendiri Moral dengan konsep sendiri Personal serta konsep sendiri Sosial.

Pada keseluruhannya, tahap perubahan konsep sendiri Moral mempunyai nilai min keseluruhan tahap sederhana, namun ada di kalangan guru pelatih mengatakan bahawa dengan mengikuti program pendidikan luar tidak semestinya dapat mempengaruhi konsep sendiri moral-etika. Perbezaan yang tidak signifikan yang ditunjukkan melalui ujian-t menerangkan bahawa program pendidikan luar hanya memberi sedikit kesan atau peningkatan terhadap konsep sendiri moral. Keputusan ujian-t ini mungkin disebabkan kurangnya penekanan kepada satu kontrak perjanjian dalam peraturan semasa program tersebut. Dapatan kajian menunjukkan konsep sendiri Moral mempunyai korelasi positif yang sederhana kuat dengan konsep sendiri yang lain. Dapatan ini menyokong dapatan oleh Hazelworth dan Wilson (2000), iaitu mereka mendapati bahawa tidak terdapat perubahan yang signifikan dalam konsep sendiri Moral pada siri pertama dan kedua perkhemahan. Perubahan konsep sendiri moral hanya terjadi setelah berlangsungnya perkhemahan siri yang ke-3. Perubahan ini terjadi disebabkan terdapat idea-idea baru yang diperkenalkan untuk pengawalan tingkah laku dan peserta membuat perjanjian (*contract*) dengan staf tentang beberapa perkara berkaitan dengan nilai hormat-menghormati dan tingkah laku yang baik.

Merujuk kepada skor min Ujian pra dan Ujian pasca bagi konsep sendiri Personal berdasarkan item kajian, skor min keseluruhan 3.39 menunjukkan tahap sederhana, namun ada di kalangan guru pelatih berpendapat bahawa dengan mengikuti program pendidikan luar tidak semestinya dapat mempengaruhi konsep sendiri Personal. Keputusan Ujian-t menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan ( $t = -1.01$ ,  $df=38$ ,  $p > .05$ ). Nilai kesignifikan adalah lebih besar daripada 0.05. Ini selari dengan konsep *The Adventure Wave Theory* yang bersesuaian dengan komponen *debriefing* yang mengesyorkan perlunya peringkat meninjau kembali apa yang telah berlaku. Pemahaman tentang perbezaan ciri-ciri dan sifat seseorang individu perlu diambil perhatian yang serius sepanjang menjalankan program pendidikan luar. Analisis inter-korelasi menunjukkan korelasi positif yang sederhana kuat antara Konsep Kendiri Personal dengan konsep sendiri Fizikal, konsep sendiri Moral, konsep sendiri Keluarga dan konsep sendiri Sosial. Nilai  $p < .05$ , ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri Personal dengan konsep Kendiri Fizikal, Moral, Personal, Keluarga dan Sosial.

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa program pendidikan luar tidak memberi kesan yang ketara dalam meningkatkan konsep sendiri Personal. Berdasarkan analisis inter-korelasi pula menunjukkan korelasi positif yang sederhana kuat antara Konsep Kendiri Personal dengan konsep sendiri yang lain. Dapatan kajian ini menyokong kajian Hazelworth dan Wilson (2000), yang mendapati tidak terdapat perubahan yang signifikan dalam konsep sendiri personal sepanjang 4 siri perkhemahan yang dijalankan oleh peserta semasa melakukan kembara luar. Walau bagaimanapun kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian oleh Hirsch (1999) yang mengatakan program luar yang mencabar selalunya memberikan fokus kepada pembinaan perkembangan dan perubahan personal seseorang. Program pendidikan luar juga boleh meningkatkan lagi perkembangan personal yang positif seperti konsep-kendiri, kekuatan-diri, lokus kawalan dalaman, imej badan, kemahiran penyelesaian masalah, kepimpinan, komunikasi, pengurusan stres, kepercayaan, keputusan konflik, dan kerjasama (Ewert, 1986; Gray & Ibrahim, 1985; Hammersley, 1992).

Meneliti analisis skor min keseluruhan bagi konsep sendiri Keluarga menunjukkan tahap tinggi dengan skor min 3.94. Ini menunjukkan bahawa program pendidikan luar boleh mempengaruhi peningkatan konsep sendiri keluarga dengan berkesan sekali. Keputusan statistik Ujian-t pula menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan ( $t = -0.54$ ,  $df = 38$ ,  $p > 0.05$ ). Ini menunjukkan bahawa program pendidikan luar tidak memberi kesan dalam peningkatan konsep sendiri keluarga di kalangan guru pelatih selepas mengikuti program pendidikan luar. Analisis inter-korelasi menunjukkan korelasi positif yang sederhana kuat antara konsep sendiri Keluarga dengan empat konsep sendiri yang lain. Sebagai rumusannya, berdasarkan ujian deskriptif boleh dikatakan bahawa program pendidikan luar memainkan peranan penting membantu mempengaruhi peningkatan konsep sendiri keluarga dengan berkesan. Di samping itu, korelasi positif yang signifikan ditunjukkan antara konsep sendiri Keluarga dengan konsep sendiri yang lain.

Secara keseluruhannya, program pendidikan luar masih dapat meningkatkan tahap perubahan terhadap konsep sendiri keluarga sekiranya perkara ini sentiasa diberi perhatian. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Scholl, McAvoy, & Smith, (2000) yang mendapati kesepaduan antara program luar yang dijalankan oleh sesebuah keluarga mempengaruhi kepuasan yang positif ahli-ahli keluarga yang terlibat, mempengaruhi kecenderungan keluarga, kebolehan mereka untuk mencuba perkara yang baru, jumlah masa yang mereka luangkan bersama ahli-ahli keluarga yang lain, dan bilangan aktiviti-aktiviti yang mereka buat bersama-sama. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Hazelworth dan Wilson (2000), yang mengatakan bahawa kerjasama dan perubahan positif terhadap nilai keluarga iaitu apabila peserta diberi peluang memasak sendiri, merancang menu, dan melakukan kebersihan dalam unit keluarga.

Berdasarkan interpretasi skor min keseluruhan konsep sendiri Sosial menunjukkan tahap sederhana dengan min 3.64. Ini membuktikan bahawa program pendidikan luar didapati mempengaruhi perkembangan konsep sendiri Sosial guru pelatih. Berdasarkan keputusan Ujian-t menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan ( $t = 0.334$ ,  $df = 38$ ,  $p > 0.05$ ). Berdasarkan analisis inter-korelasi menunjukkan korelasi positif yang sederhana antara konsep sendiri Sosial dengan keempat-empat konsep sendiri. Kesemua korelasi tersebut signifikan pada  $p > 0.05$ . Sebagai rumusannya, statistik deskriptif menunjukkan program pendidikan luar dapat mempengaruhi konsep sendiri Sosial. Analisis inter-korelasi menunjukkan korelasi positif dengan konsep sendiri yang lain. Sememangnya nilai kerjasama dan interaksi sosial sangat ditekankan dalam program pendidikan luar. Tetapi penekanan yang lebih menjurus kepada keperluan dan kekhususan konsep sendiri Sosial perlu diambil kira dan ini memerlukan ketelitian pengelola dan pengurus program yang terlibat.

Kajian ini menyokong Teori John Dewey (1961), yang mengatakan aspek: *Membangunankan Perhubungan Interpersonal*. Ianya membenarkan peserta program untuk membina hubungan interpersonal sejak mereka menghadapi cabaran yang sama dan digalakkan untuk bekerjasama atau sekurang-kurangnya menyokong satu sama lain. Kajian oleh Pohl, Borrie dan Patterson (2000), mendapati program pendidikan luar memainkan peranan penting dalam meningkatkan aspek sosial di mana dapat memberi peluang kepada setiap peserta untuk bergaul dan berinteraksi dengan orang lain, dan juga memberikan ketenangan mental (*mental clarity*).

Dalam melaksanakan sesuatu program pendidikan luar banyak faktor yang perlu diberi pertimbangan seperti faktor *Perancangan*, sama ada perancangan jangka masa pendek atau jangka panjang serta komited terhadap aktiviti luar akan secara langsung menanamkan prinsip *never too late to dare* kepada semua golongan lebih-lebih lagi golongan dewasa untuk terus maju dan melibatkan diri dalam aktiviti luar. Reka bentuk sesuatu program pendidikan luar yang berkualiti merupakan satu komponen yang sangat penting bagi setiap persatuan atau institusi

yang berkaitan dengan perkhidmatan pendidikan atau program-program aktiviti luar (Edginton & Neal, 1983; LaPage, 1983; Rossman & Schlatter, 2000).

Tidak dinafikan bahawa jurulatih juga memainkan peranan penting dalam membentuk program pendidikan luar. Dikatakan, purata jurulatih program pendidikan luar masa sekarang adalah muda dan tidak banyak berpengalaman, dan kurang berkebolehan untuk membuat keputusan secara spontan, penilaian-berdasarkan perancangan keputusan (Walsh & Gollins, 1976). Adalah menjadi tanggungjawab pengelola untuk memahami kesulitan atau selok-belok pengalaman-pengalaman yang dialami oleh peserta-peserta yang terlibat dalam program tersebut.

Apabila melaksanakan program pendidikan luar sentiasa berpegang kepada falsafah pendidikan negara, falsafah pendidikan luar, dasar pendidikan, matlamat, visi dan misi program tersebut. Dengan memberikan fokus kepada hasil atau matlamat yang diinginkan supaya program tersebut mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti dan kejayaan perancangan dan pelaksanaan sesuatu program luar (Carruthers & Busser, 2000).

Guru Pelatih sebenarnya didedahkan dengan berbagai-bagai kemahiran dan cabaran apabila mengikuti program pendidikan luar. Seperti juga dengan aktiviti luar yang lain, berbagai-bagai kemahiran yang dipelajari oleh peserta boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian mereka (Pohl, 2000). Menurut Stewart (1999) dalam kajiannya mengatakan bahawa peserta dalam program rekreasi seperti juga program pendidikan luar mempunyai kemahuan, kemahiran-kemahiran, sikap dan persepsi yang berbagai-bagai. Oleh yang demikian, dua orang individu mungkin mempunyai persepsi yang berbeza terhadap pengalaman program luar yang sama. Maka program pendidikan luar perlu terus dilaksanakan bagi meningkatkan perkembangan konsep sendiri guru pelatih supaya mereka mempunyai jati diri dalam menghadapi cabaran sebenar dalam arus pendidikan negara dan dunia.

*'walaupun persepsi seseorang itu penting,  
penilaiannya terhadap dirinya dianggap lebih penting'.*

(Fitts, 1971).

Pada masa yang sama guru pelatih melalui proses pembelajaran yang berterusan dalam tiga aspek utama iaitu Pedagogi (*pedagogical*), Kandungan (*content*), dan Pengetahuan (*knowledge*) atau dipanggil konsep PCK. Oleh sebab itu mata pelajaran Pendidikan Jasmani melalui program pendidikan luar adalah sebagai medium pengajaran yang dibuat di luar bilik kuliah. Menggunakan alam sekitar sebagai makmal kehidupan yang penuh dengan sumber ilmu dan pengalaman hidup yang mencabar. Justeru, adalah penting bagi pensyarah memahami dan mengambil kira hakikat ini dalam merancang dan mengurus program pendidikan luar di Institut Pendidikan Guru di mana guru pelatih yang terlibat adalah daripada pelbagai latar belakang kelayakan akademik, etnik, budaya, bahasa, status sosioekonomi dan agama bagi membantu persediaan sebagai seorang guru novis atau guru terlatih yang berkualiti.

Kejayaan program pendidikan luar antara lain bergantung kepada tahap pengetahuan dan kemahiran pensyarah. Kecekan dan keberkesanan pensyarah amat bergantung kepada tahap pengetahuan dan kemahiran yang terkini pensyarah. Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Pendidikan Guru dan Institut Pendidikan Guru perlu meneliti semula kandungan kurikulum dan pendekatan latihan guru pendidikan Jasmani supaya bakal guru yang dihasilkan nanti akan faham dan menguasai bidang pendidikan Jasmani lebih-lebih lagi program pendidikan luar. Guru pelatih harus dilatih sebagai penyokong perkembangan

(*developmental scaffolder*), bukan sahaja sebagai penyampai ilmu dan kemahiran kepada kanak-kanak.

Pengkaji berharap kajian ini dapat menjadi sumber rujukan dan sebagai permulaan kepada penelitian yang lebih fokus kepada konteks konsep sendiri guru pelatih yang terlibat dengan program pendidikan luar di seluruh Institut Pendidikan Guru di Malaysia dan dipanjangkan ke sekolah-sekolah. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan beberapa kajian lanjutan seperti mengkaji kesemua sembilan bidang konsep sendiri yang dinyatakan dalam TSCS. Dapatan kajian ini diharapkan dapat melihat ketekalan hasil kajian dan sudah tentu dapat menghasilkan dapatan yang pelbagai, digeneralisasi dan menarik.

Kesimpulannya, bahawa kesedaran guru pelatih terhadap kepentingan mempunyai konsep sendiri yang positif adalah sangat penting supaya mereka bersedia menghadapi cabaran sebenar dalam dunia pendidikan. Program pendidikan luar yang dikelolakan di Institut Pendidikan Guru memainkan peranan yang penting dalam menentukan dan membentuk konsep sendiri guru pelatih melalui proses latihan, teori dan praktikal yang menyeluruh dan optimum. Matlamat pendidikan jasmani pada umumnya adalah untuk melahirkan guru pelatih yang seimbang dari segi jasmani, emosi, sosial, mental dan rohani. Kajian mendapati tahap perkembangan konsep sendiri guru pelatih mempunyai hubungan dengan penglibatan program pendidikan luar. Tahap perubahan dan perkembangan konsep sendiri mempunyai hubungan yang rapat di antara setiap bidang konsep sendiri iaitu konsep sendiri fizikal, moral, personal, keluarga dan sosial. Tahap perubahan yang tinggi menunjukkan hubungan yang positif dengan penglibatan dalam program pendidikan luar. Konsep sendiri merangkumi dua unsur penting iaitu persepsi terhadap dirinya dan penilaiannya terhadap dirinya (Fitts 1971).

## RUJUKAN

- Anderson, L., Schleien, S., McAvoy, L., Lais, G., & Seligman, D. 1997. Creating positive change through an integrated outdoor adventure program. *Therapeutic Recreational Journal*, 31 (4), 214-229.
- Bahagian Pendidikan Guru. 1998. *Kajian Keperluan Latihan Keguruan Tenaga Pengajar Institusi Pendidikan Swasta*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru. 2003. *Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani (minor): Kursus Perguruan Lepas Ijazah (Sekolah Rendah)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Burns, R. B. 1982. *Self-concept development & education*. London : Holt, Rinehart dan Wiston.
- Burns, R. B. 1979. *The self-concept in theory, measurement, development and behaviour*. London: Longman.
- Carruthers, C. P., & Busser, J. A. 2000. A qualitative outcome study of boys and girls club program Leaders, club members, and parents. *Journal of Park and Recreation Administration*, 18 (1), 50-67.
- Chua, Y. P. 2006. *Kaedah dan statistik Penyelidikan: Asas statistik penyelidikan*. Buku 2. Malaysia: McGraw-Hill.
- Clifford, E., and M. Clifford. 1967. Self concepts before and after survival training. *British Journal of Social and Clinical Psychology*. 6:241-248.
- Creswell, J. W., 2005. *Research designs: Qualitative, quantitative, and mixed method approaches (2<sup>nd</sup> ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Dewey, J. 1961. *Democracy and education*. New York: Macmillan.
- Edginton, C. R., Neal, L. L. 1983. Park and Recreation direction perceptions of Organization goals. *Journal of Parks and Recreation Administration*, 1 (1), 39-50.

- Ewert, A. 1986. Outdoor adventure activity programs: A new dimension. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 57(5) 56-57.
- Fitts, W. H. 1991. *"Tennessee Self Concept Scale, Manual."* Los Angeles: Western Psychological Services.
- Fitts, W. H. 1965. *Manual for Tennessee self-concept scale*, Nashville, Tennessee Counselor Recording and Test.
- Fitts, W. H. dan Warrant, W. L. July 1996. *Tennessee Self-Concept Scale (TSCS: 2)*. 2<sup>nd</sup>. Ed. Manual. U.S.A: Western Psychological Services.
- Garrison, K. C. & Garrison. 1975. *Adolescent development and change*, New Jersey:
- Gray, D., & Ibrahim, H. 1985. Recreation experience-The human dimension. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 56(8) 27-58.
- Hammersley, C. H. 1992. If we win, I win: Adventure education in physical education and recreation. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 63(9), 63-67.
- Hartig, T. et al. 2003 . Tracking restoration in natural and urban field setting. *Journal of Environmental Psychology* 23: s. 109-123
- Hazelworth M. S dan Wilson B. E. 2000. The Effects of an Outdoor Adventure Camp Experience on Self-Concept. *The Journal of Environmental Education*, 31 (4), 33-3
- Henderson, J., & Barnett, P. 2001. *Rites of passage to adulthood: The classroom, the home, the bush and the street; where they meet*: Proceedings of the 12th National Outdoor Education Conference. Melbourne, Australia: VOA.
- Hetzel, L., & Smith, A. October, 2001. *The 65 years and over population: 2000*. Retrieved on December 13, 2001, (di atas talian) <http://www.census.gov/prod/2001pubs/c2kb01-10.pdf>.
- Hisch, J. 1999. Developmental adventure programs. In J. Miles & S. Priest (Eds), *Adventure programming* (pp. 13-27). State College, PA: Venture.
- Jackson, S. L. 2006. *Research methods and statistics: A critical Thinking Approach*. Ed.ke-2. Belmont, California: Thomson Wadsworth.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1998. *Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Negara.
- Lambert, M. J., J. R. Seggar, J. S. Staley, Spencer, and D. Nelson. 1978. Reported self concept and self-actualizing value changes as a function of academic classes with wilderness experience. *Perceptual and Motor Skills* 46: 1035-44.
- Lewis, Charles A., *he Administration of Outdoor Education Program*, Dubuque, Iowa, Kendall-Hunt, 975.
- Iida, M. 1975. Adventure oriented programs-A review of research. In *Research camping and environmental education* by Betty Van der Smissen. Pen State HPER series, No. 11: 219-237.
- Maslow, A. H. 1968. *Towards psychology of being*. Princetown, Mass: Van Nostrand.
- McAvoy, L. 2001. Outdoor for everyone: Opportunities that include people with disabilities. *Parks and Recreation*, 36 (8), 24-32.
- McAvoy, L., Schatz, E., Stutz, M., Schleien, s., & Lais, G. 1989. Integrated wilderness adventure: Effects on personal and lifestyles traits of persons with and without disabilities. *Therapeutic Recreation Journal*, 23(3), 51-64.
- Misner, J. E. 1984. Are we fit to educate about fitness? *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 55(9), 26-28.
- Pohl, S., Borrie, W., & Patterson, M. 2000. Women, wilderness, and everyday life: A documentation of connection between wilderness recreation and women's everyday lives. *Journal of Leisure Research*, 32(4), 415-434.
- Priest, S., & Gass, M. A. 1997. *Effective leadership in adventure programming*. Champaign, IL: Human Kinetics.

- Pusat Perkembangan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia. 1989. *Rancangan Kurikulum Baru Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur.
- Robb, G., & Ewert, A. 1987. Risk recreation and persons with disabilities. *Therapeutic Recreation Journal*, 21(1), 58-69.
- Rossmann, J. R., & Schlatter, B. E. 2000. *Recreation Programming Designing Leisure experience*. Champaign, IL: Sagamore.
- Schoel, J., Prouty, D., & Radcliffe, P. 1988. *Islands of healing: A guide to adventure based Counseling*. Hamilton, MA: Project Adventure.
- Scholl, K., McAvoy, L., & Smith, J. 2000. Benefits and Components of an inclusive adventure program for families with children that have a disability. In L.A. Stringer, L. McAvoy, & A. Young (Eds.), *Coalition for Education in Outdoors Fifth Biennial Research Symposium Proceedings* (pp. 73-81). Cortland, NY: Coalition for Education in Outdoor, State University of New York at Cortland.
- Stewart, W.P. 1999. Leisure as multiphase experiences: Challenging tradition. *Journal of Leisure Research*, 30 (1), 391-400.
- Stringer, L. A., & McAvoy, L. 1992. The need for something different: Spirituality and Wilderness adventure. *Journal of Experiential Education*, 15(1), 13-20.
- Tan Bee Chu. 2001. Kesan factor-faktor Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral terhadap Penaakulan Moral dan Empati Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Doktor Falsafah. Falkulti Pendidikan, UKM Bangi.
- Vaughn, E. D., Wang, M. C. dan Dytman, J. A. 1987. Implementing an Innovative Program: Staff Development and Teacher Classroom Performance. *Journal of Education*, 38: 6-16.
- Veenman, S. 1984. Perceived Problem of Beginning Teacher. *Review of Education Research*, 54 (2): 143-178.
- Walsh, V., & Golin, G. 1976. *The exploration of the Outward Bound process*. Denver: Colorador Outward Bound.
- Yap Poh Moi. 2002. Kesediaan Guru-guru perdagangan terhadap pengajaran Pengajian Keusahawan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, UKM Bangi.
- Yusof Ismail. 1988. *Kegiatan Kokurikulum Sukan :Satu pendekatan mengurus*. Ipoh: Pustaka Minda.